



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2005

PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan mengenai pindaan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29, U32, U36, U38, U40 kepada skim perkhidmatan bersepadu Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29, U32, U36, U41/U42, U44, U48.

LATAR BELAKANG

2. Pada masa ini skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29, U32, U36, U38, U40 menetapkan syarat lantikan di peringkat Diploma Kesihatan Persekitaran daripada institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. Selaras dengan perubahan persekitaran, penambahbaikan sewajarnya perlu dilaksanakan bagi memantapkan kualiti perkhidmatan ini di samping melahirkan pegawai yang berkepakaran dan berkemahiran.

PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN

3. Skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29, U32, U36, U38, U40 yang berkuat kuasa dipinda menjadi skim perkhidmatan bersepadu seperti berikut:

- (a) pindaan nama skim perkhidmatan kepada **Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran;**
- (b) gred skim perkhidmatan kepada **Gred U29, U32, U36, U41/U42, U44, U48;**
- (c) syarat lantikan di Gred U29 adalah di peringkat Diploma Kesihatan Persekitaran yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- (d) syarat lantikan di Gred U41 adalah di peringkat ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- (e) perbekalan kenaikan pangkat bagi pegawai di Gred U29 atau Gred U32 ke Gred U42 tertakluk kepada syarat memiliki kelayakan di peringkat ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan serta syarat-syarat lain seperti yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan; dan
- (f) perbekalan kenaikan pangkat bagi pegawai di Gred U36 ke Gred U42 tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan.

4. Skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran yang baru adalah seperti di **Lampiran A**. Contoh iklan jawatan bagi urusan pengambilan adalah seperti di **Lampiran B** dan penghuraian skop tugasnya adalah seperti di **Lampiran C, C1, C2, C3, C4 dan C5**.

5. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini semua lantikan sebagai Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran hendaklah menggunakan skim perkhidmatan bersepadu Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29, U32, U36, U41/U42, U44, U48 dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

PELAKSANAAN

6. Semua pegawai dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29, U32, U36, U38, U40 yang dilantik secara tetap termasuk mereka yang tidak menerima opsyen ke skim perkhidmatan Pengajar di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2005 adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran yang baru seperti berikut:

- (a) pegawai yang berada di Gred U29 akan ditukar lantik ke Gred U29;
- (b) pegawai yang berada di Gred U32 akan ditukar lantik ke Gred U32;
- (c) pegawai yang berada di Gred U36 akan ditukar lantik ke Gred U36;
- (d) pegawai yang berada di Gred U38 akan ditukar lantik ke Gred U41; dan
- (e) pegawai yang berada di Gred U40 akan ditukar lantik ke Gred U41.

7. Bagi pegawai yang berada di Gred U38 dan Gred U40 yang memiliki kelayakan di peringkat ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan pada tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan baru akan ditukar lantik ke Gred U41.

8. Bagi pegawai yang berada di Gred U38 dan Gred U40 yang tidak memiliki kelayakan di peringkat ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan pada tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan baru akan ditukar lantik ke Gred U41 tertakluk kepada syarat mempunyai pengalaman enam (6) tahun berkhidmat dalam perkhidmatan sekarang serta menghadiri dan lulus dengan jayanya kursus peralihan yang ditetapkan. Pegawai akan kekal dalam gred dan skim perkhidmatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP) sehingga memenuhi syarat tersebut.

9. Tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira hendaklah dalam perkhidmatan tetap tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji.

10. Ketua jabatan hendaklah menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mewujudkan jawatan-jawatan baru Gred U41 di bawah skim perkhidmatan bersepadu Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29, U32, U36, U41/U42, U44, U48 secara tukar ganti dengan jawatan-jawatan Gred U38 dan U40 dalam skim perkhidmatan asal Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran.

PEMBERIAN OPSYEN

11. Dengan berkuatkuasanya skim perkhidmatan bersepadu Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29, U32, U36, U41/U42, U44, U48 Pihak Berkuasa Melantik melalui ketua perkhidmatan hendaklah menawarkan opsyen kepada pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29, U32, U36, U38, U40 bagi membolehkan pegawai membuat pilihan. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan bersepadu Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29, U32, U36, U41/U42, U44, U48. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

12. Pegawai yang terlibat diberi tempoh 30 hari mulai tarikh surat opsyen diedarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran ini. Pegawai yang menolak opsyen atau tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan baru ini. Mereka akan dikekalkan dalam gred dan skim perkhidmatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

13. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf tetap, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan serta berada dalam Sistem Saraan Malaysia.

14. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada mereka yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukar sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

15. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

16. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada mereka yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 14, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberi tempoh yang sama (30 hari) untuk membolehkan mereka membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

17. Bagi maksud urusan pemberian opsyen, contoh surat tawaran, syarat-syarat pertukaran pelantikan dan borang opsyen adalah seperti di **Lampiran D, D1 dan D2**. Surat tawaran opsyen bagi pegawai yang belum memenuhi syarat yang ditetapkan adalah seperti di **Lampiran D3 dan D4**.

18. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai lantikan sementara/kontrak/sambilan.

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Kelompok Pegawai Di Gred U29, U32, U36.

19. Kaedah penetapan gaji permulaan pegawai yang terlibat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29, U32, U36 adalah seperti berikut:

- (a) Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 yang belum disahkan dalam perkhidmatan hendaklah ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred U29 yang baru;
- (b) Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 yang telah disahkan dalam perkhidmatan hendaklah ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred U29 yang baru, yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa jawatan asal. Jika matagaji di P1 jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji permulaan bolehlah ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 2 (P2) dan seterusnya di Peringkat 3 (P3), jika matagaji P2 masih tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan;

- (c) Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U32 hendaklah ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred U32 yang baru, yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji bolehlah ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan

- (d) Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U36 hendaklah ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred U36 yang baru, yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji bolehlah ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

Kelompok Pegawai Di Gred U38, U40.

20. Kaedah penetapan gaji permulaan bagi pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U38, U40 ke Gred U41 adalah seperti berikut:

- (a) Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U38 yang memiliki kelayakan di peringkat ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan hendaklah ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred U41 yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa jawatan asal. Jika matagaji di P1 jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji permulaan bolehlah ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 2 (P2) dan seterusnya di Peringkat 3 (P3), jika matagaji P2 masih tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan;

- (b) Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U38 yang tidak memiliki kelayakan di peringkat ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan dan mempunyai pengalaman enam (6) tahun berkhidmat dalam perkhidmatan sekarang tetapi belum memenuhi syarat menghadiri dan lulus dengan jayanya kursus peralihan yang ditetapkan hendaklah dikekalkan secara KUP dalam gred dan skim perkhidmatan asal. Gaji pegawai hanya akan ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred U41 yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa jawatan asal, sehari selepas memenuhi syarat menghadiri dan lulus dengan jayanya kursus peralihan yang ditetapkan. Jika matagaji di P1 jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji permulaan bolehlah ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 2 (P2) dan seterusnya di Peringkat 3 (P3), jika matagaji P2 masih tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan;
- (c) Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U40 yang memiliki kelayakan di peringkat ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan hendaklah ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred U41 yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa jawatan asal. Jika matagaji di P1 jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji permulaan bolehlah ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 2 (P2) dan seterusnya di Peringkat 3 (P3), jika matagaji P2 masih tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan; dan
- (d) Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U40 yang tidak memiliki kelayakan di peringkat ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan dan belum mempunyai pengalaman enam (6) tahun berkhidmat dalam perkhidmatan sekarang hendaklah dikekalkan secara KUP dalam gred dan skim perkhidmatan asal. Gaji pegawai hanya akan ditetapkan di matagaji

tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred U41 yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa jawatan asal, sehari selepas memenuhi syarat menghadiri dan lulus dengan jayanya kursus peralihan yang ditetapkan. Jika matagaji di P1 jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji permulaan bolehlah ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 2 (P2) dan seterusnya di Peringkat 3 (P3), jika matagaji P2 masih tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan.

21. Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh matagaji mengikut kaedah 19 dan 20 di atas, maka jadual gaji KUP hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

22. Jadual Gaji Matriks bagi skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29, U32, U36, U41/U42, U44, U48 adalah seperti di **Lampiran E, E1, E2, E3, E4, E5 dan E6**. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan adalah seperti di **Lampiran F, F1, F2, F3, F4, F5 dan F6**.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

23. Pergerakan gaji tahunan jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai dalam tahun pertukaran pelantikan itu dikuatkuasakan hendaklah diberi di jawatan baru kecuali bagi pegawai yang belum memenuhi syarat yang ditetapkan.

TARIKH PERGERAKAN GAJI

24. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pertukaran pelantikan ini. TPG baru ialah mulai 1 Januari tahun berikutnya. Bagi pegawai di Gred U38 dan Gred U40 yang disyaratkan mempunyai pengalaman enam (6) tahun berkhidmat dalam perkhidmatan sekarang serta menghadiri dan lulus dengan jayanya kursus

peralihan, TPG baru bagi tahun berikutnya berubah kepada 1 Januari selepas pegawai ditukar lantik ke Gred U41.

KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN

25. Bagi melaksanakan opsyen ini, Pihak Berkuasa Melantik, ketua jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat.

(b) **Ketua Jabatan**

- (i) menyampaikan opsyen kepada pegawai terlibat;
- (ii) memberi penjelasan terperinci mengenai opsyen kepada pegawai yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;
- (iii) mengemaskini Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan; dan
- (iv) melaksanakan pekeliling perkhidmatan ini dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh ianya diedarkan dan melaporkan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan ini.

(c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada ketua jabatan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Opsyen yang dibuat adalah muktamad;
- (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh ketua jabatan manakala satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan
- (iii) mengembalikan borang opsyen dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran.

TARIKH KUAT KUASA

26. Tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan bersepadu Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29, U32, U36, U41/U42, U44, U48 yang baru ini ialah mulai **1 Januari 2005**.


PEMBATALAN

27. Dengan berkuatkuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 melalui Lampiran B Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan **kecuali** bagi menampung pegawai yang tidak menerima opsyen di bawah urusan ini dan penyandang yang belum memenuhi syarat pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran yang baru.

PEMAKAIAN

28. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

31 Mei 2005

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan.

LAMPIRAN A

SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN/ PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL, SOKONGAN
(SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2005

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred U29	:	P1T1	RM928.55	-	P1T27	RM2445.89
		P2T1	RM985.42	-	P2T27	RM2623.76
		P3T1	RM1044.71	-	P3T27	RM2781.06
Gred U32	:	P1T1	RM1567.43	-	P1T20	RM2925.05
		P2T1	RM1683.59	-	P2T20	RM3227.55
Gred U36	:	P1T1	RM2445.89	-	P1T11	RM3617.17
		P2T1	RM2616.50	-	P2T11	RM3999.53
Gred U41	:	P1T1	RM1738.43	-	P1T24	RM4107.61
		P2T1	RM1821.92	-	P2T24	RM4367.76
		P3T1	RM1909.04	-	P3T24	RM4624.28
Gred U42	:	P1T1	RM1738.43	-	P1T24	RM4107.61
		P2T1	RM1909.04	-	P2T24	RM4624.28
Gred U44	:	P1T1	RM2633.83	-	P1T14	RM4364.13
		P2T1	RM2920.60	-	P2T14	RM4823.93
Gred U48	:	P1T1	RM3853.51	-	P1T8	RM5115.54
		P2T1	RM4235.87	-	P2T8	RM5599.54

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED U29

- (c) Diploma Kesihatan Persekitaran daripada institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: PIT6);

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED U41

- (d) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U41: PIT1);

- dan
- (e) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN**

- 2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan
- (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

- 3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U29 dan Gred U41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

- 4. Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

- 5. Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

- 6. Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

- 7. Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
9. Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U32**
10. Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U32 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U36**
11. Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U36 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U42**
12. (i) Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 atau Gred U32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U42 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (d) di atas;
 - (c) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (d) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (e) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

(ii) Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U36 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U42 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U44**

13. Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U41/U42 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U44 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED U48**

14. Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U48 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN KE
PERKHIDMATAN
PENGAJAR**

15. Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pengajar Gred U41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt. 2 (3)] **kecuali** bagi menampung pegawai yang tidak menerima opsyen di bawah urusan ini dan penyandang yang belum memenuhi syarat pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran yang baru.

IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/
Pegawai Kesihatan Persekitaran
- (b) Kementerian/Jabatan :
- (c) Kumpulan : Pengurusan dan Profesional, Sokongan
Perkhidmatan (Skim Perkhidmatan Bersepadu)
- (d) Klasifikasi : Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan
Perkhidmatan
2. Jadual Gaji : Jadual Gaji Matriks
- | | |
|----------|--|
| Gred U29 | : P1T1 RM928.55 - P1T27 RM2445.89
P2T1 RM985.42 - P2T27 RM2623.76
P3T1 RM1044.71 - P3T27 RM2781.06 |
| Gred U32 | : P1T1 RM1567.43 - P1T20 RM2925.05
P2T1 RM1683.59 - P2T20 RM3227.55 |
| Gred U36 | : P1T1 RM2445.89 - P1T11 RM3617.17
P2T1 RM2616.50 - P2T11 RM3999.53 |
| Gred U41 | : P1T1 RM1738.43 - P1T24 RM4107.61
P2T1 RM1821.92 - P2T24 RM4367.76
P3T1 RM1909.04 - P3T24 RM4624.28 |
| Gred U42 | : P1T1 RM1738.43 - P1T24 RM4107.61
P2T1 RM1909.04 - P2T24 RM4624.28 |
| Gred U44 | : P1T1 RM2633.83 - P1T14 RM4364.13
P2T1 RM2920.60 - P2T14 RM4823.93 |
| Gred U48 | : P1T1 RM3853.51 - P1T8 RM5115.54
P2T1 RM4235.87 - P2T8 RM5599.54 |

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

KELAYAKAN UNTUK LANTIKAN KE GRED U29

(c) Diploma Kesihatan Persekitaran daripada institusi-institusi latihan Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T6);

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED U41

(d) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U41: P1T1);

dan (e) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap.

5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai yang memasuki skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

6. Fungsi dan Bidang Tugas : Untuk diisi oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat.

**PENGHURAIAN SKOP TUGAS
PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U29**

1. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai jabatan/ agensi kerajaan.

2. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

Melaksanakan aktiviti-aktiviti kesihatan awam dan kesihatan persekitaran mengikut bidang tugas yang ditetapkan.

2.1 Kawalan Penyakit (Penyakit Berjangkit, Penyakit Tidak Berjangkit, Penyakit Bawaan Vektor).

- a. Pemantauan dan pengumpulan data.
- b. Penyiasatan wabak.
- c. Tindakan kawalan dan pencegahan.
- d. Penguatkuasaan undang-undang kesihatan awam.
- e. Promosi kesihatan.
- f. Analisis insitu.
- g. Kesihatan persekitaran dan pekerjaan.

2.2 Keselamatan dan Kualiti Makanan.

- a. Pensampelan makanan.
- b. Pemeriksaan premis makanan.
- c. Penyediaan laporan dan cadangan tindakan susulan.
- d. Kawalan pengimportan makanan.
- e. Kawalan pengeksportan makanan.

- f. Penguatkuasaan undang-undang.
 - g. Pemantauan dan pengumpulan statistik.
- 2.3 Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS).
- a. Melaksanakan projek Bekalan Air Masyarakat Luar Bandar.
 - b. Melaksanakan perolehan logistik.
 - c. Memeriksa dan memantau projek pelupusan air limbah.
 - d. Menyelenggara dan kalibrasi peralatan ujian.
 - e. Menyelenggara projek-projek BAKAS.
- 2.4 Kawalan Mutu Air Minum (KMAM).
- a. Sediakan program dan jadual pensampelan.
 - b. Melakukan pensampelan dan analisis di lapangan.
 - c. Mengambil tindakan pemulihan ke atas perlanggaran kualiti sampel air.
 - d. Menyelenggara dan kalibrasi peralatan ujian.
- 2.5 Kesihatan Pintu Masuk (Lapangan Terbang, Pelabuhan dan Darat).
- a. Pemeriksaan kapal untuk Sijil *Ship Health Clearance*.
 - b. Pemeriksaan *Deratting Certificate/ Deratting Exemption Certificate* kapal.
 - c. Pemeriksaan/ penilaian *Sanitary Airport/ Sea Port*.
 - d. Saringan pekerja asing.
 - e. Pemeriksaan/ saringan makanan import.
- 2.6 Perundangan dan Penguatkuasaan.
- a. Bertindak sebagai pegawai penyiasat.
 - b. Penyediaan kertas siasatan.
 - c. Pengendalian dokumen, rekod dan eksibit (barang kes).

- d. Menjadi saksi dalam kes-kes pendakwaan.
- 2.7 Merancang, melaksana dan menyelaras aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan/ promosi kesihatan.
- 2.8 Lain-lain skop tugas yang ditentukan dari semasa ke semasa.

3. **HUBUNGAN KERJA**

3.1. Dalam

- a. pegawai di bahagian lain di dalam organisasi yang sama.
- b. pegawai di bahagian/ unit yang sama.

3.2. Luaran

- a. komuniti.
- b. jabatan kerajaan dan agensi-agensi lain.
- c. pekerja.

4. **PERSEKITARAN KERJA**

Dalam dan luar pejabat.

5. **KOMPETENSI YANG DIPERLUKAN**

5.1 **Kemahiran berfungsi (functional skills)**

- a. Berpengetahuan dan mempunyai kefahaman dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti kesihatan awam seperti pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit, penyakit tidak berjangkit, kawalan vektor, keselamatan dan kualiti makanan, bekalan air dan kebersihan alam sekeliling selaras dengan akta-akta dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.
- b. Berupaya memahami dan melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan Undang-undang Kesihatan Awam, kesihatan di pintu-pintu masuk sempadan dan kesihatan am selaras dengan prosedur yang telah ditetapkan.
- c. Berpengetahuan dan mempunyai kefahaman tentang kesihatan pekerjaan dan persekitaran seperti menjalankan kerja-kerja penilaian risiko di tempat kerja, siasatan kes keracunan bahan kimia, racun makhluk perosak,

penyakit-penyakit berkaitan dengan pekerjaan dan promosi kesihatan terhadap majikan dan pekerja.

6. **LATIHAN YANG DIPERLUKAN**

Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGHURAIAN SKOP TUGAS
PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U32**

1. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai jabatan/ agensi kerajaan.

2. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

Mengetuai sesuatu unit, melaksana dan menyelia aktiviti-aktiviti kesihatan awam dan kesihatan persekitaran berasaskan fungsi jawatan yang disandang.

2.1 Kawalan Penyakit (Penyakit Berjangkit, Penyakit Tidak Berjangkit, Penyakit Bawaan Vektor).

- a. Tindakan kawalan dan pencegahan.
- b. Penguatkuasaan undang-undang.
- c. Promosi kesihatan.
- d. Analisis insitu.
- e. Kesihatan pekerjaan dan persekitaran.

2.2 Keselamatan dan Kualiti Makanan.

- a. Penyediaan laporan.
- b. Pengimportan dan pengeksporan makanan.
- c. Penguatkuasaan undang-undang.
- d. Analisis data dan statistik.

2.3 Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS).

- a. Melaksanakan projek Bekalan Air Masyarakat Luar Bandar.
- b. Perolehan logistik.

- c. Projek pelupusan air limbah.
 - d. Projek-projek BAKAS.
- 2.4 Kesihatan Pintu Masuk (Lapangan Terbang, Pelabuhan dan Darat).
- a. Pemeriksaan kapal untuk Sijil *Ship Health Clearance*.
 - b. Pemeriksaan *Deratting Certificate/ Deratting Exemption Certificate* kapal.
 - c. Pemeriksaan/ penilaian *Sanitary Airport/ Sea Port*.
 - d. Saringan pekerja asing.
 - e. Pemeriksaan/ saringan makanan import.
- 2.5 Perundangan dan Penguatkuasaan
- a. Pegawai pendakwa kes-kes perbicaraan
 - b. Penyeliaan kertas siasatan.
 - c. Penyeliaan dokumen, rekod dan eksibit (barang kes)
- 2.6 Merancang aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan dan promosi kesihatan.
- 2.7 Lain-lain skop tugas yang ditentukan dari semasa ke semasa.

3. HUBUNGAN KERJA

- 3.1. Dalaman
- a. pegawai di bahagian lain di dalam organisasi yang sama.
 - b. pegawai di bahagian/unit yang sama.
- 3.2. Luaran
- a. komuniti.
 - b. jabatan kerajaan dan agensi-agensi lain.
 - c. pekerja.

4. **PERSEKITARAN KERJA**

Dalam dan luar pejabat.

5. **KOMPETENSI YANG DIPERLUKAN**

5.1 **Kemahiran Teknikal (Technical Skills)**

- a. Berkemahiran mengaplikasi dan melaksanakan aktiviti-aktiviti kesihatan awam seperti pencegahan dan pengawalan penyakit berjangkit, penyakit tidak berjangkit, kawalan vektor, keselamatan dan kualiti makanan, bekalan air dan kebersihan alam sekeliling selaras dengan akta-akta dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.
- b. Berkebolehan mengaplikasikan tugas-tugas penguatkuasaan dan pendakwaan undang-undang Kesihatan Awam.
- c. Berkemahiran mengenalpasti dan mengaplikasikan aktiviti-aktiviti kesihatan pekerjaan dan persekitaran seperti menjalankan kerja-kerja penilaian risiko di tempat kerja, siasatan kes keracunan bahan kimia, racun makhluk perosak, penyakit-penyakit berkaitan dengan pekerjaan dan promosi kesihatan terhadap majikan dan pekerja.
- d. Berkebolehan menjalankan tugas-tugas penyeliaan dan khidmat nasihat kepada anggota di bawah kawalannya.

6. **LATIHAN YANG DIPERLUKAN**

Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGHURAIAN SKOP TUGAS
PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U36**

1. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai jabatan/ agensi kerajaan.

2. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

2.1 Kawalan Penyakit (Penyakit Berjangkit, Penyakit Tidak Berjangkit, Penyakit Bawaan Vektor).

- a. Pemantauan tindakan kawalan dan pencegahan.
- b. Promosi kesihatan.
- c. Kesihatan pekerjaan dan persekitaran.

2.2 Keselamatan dan Kualiti Makanan.

- a. Pemantauan kebersihan premis makanan.
- b. Kawalan pengimportan dan pengeksporan makanan.
- c. Penguatkuasaan undang-undang.
- d. Pemantauan dan analisis laporan dan statistik.

2.3 Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS).

- a. Melaksanakan projek Bekalan Air Masyarakat Luar Bandar.
- b. Pengurusan dan perolehan bahan.
- c. Projek pelupusan air limbah.
- d. Projek-projek BAKAS.
- e. Logistik.

- 2.4 Kawalan Mutu Air Minuman (KMAM)
 - a. Pemantauan dan keberkesanan program KMAM.
- 2.5 Kesihatan Pintu Masuk (Lapangan Terbang, Pelabuhan dan Darat).
 - a. Pemantauan pengeluaran *Deratting Certificate/ Deratting Exemption Certificate* dan Sijil *Ship Health Clearance*.
 - b. Pemantauan status *Sanitary Airport/ Sea Port*.
 - c. Pemantauan pekerja asing.
 - d. Pemeriksaan pengimportan makanan.
- 2.6 Perundangan dan Penguatkuasaan.
 - a. Penyeliaan ke atas dokumen pendakwaan.
 - b. Urusan penurunan kuasa mendakwa oleh Timbalan Pendakwaraya.
 - c. Pegawai Pendakwa kes perbicaraan.
 - d. Menguruskan kes-kes rayuan.
- 2.7 Merancang aktiviti-aktiviti pendidikan kesihatan dan promosi kesihatan.
- 2.8 Lain-lain skop tugas yang ditentukan dari semasa ke semasa.

3. **HUBUNGAN KERJA**

- 3.1. Dalaman
 - a. pegawai di bahagian lain di dalam organisasi yang sama.
 - b. pegawai di bahagian/ unit yang sama.
- 3.2. Luaran
 - a. komuniti.
 - b. jabatan kerajaan dan agensi-agensi lain.
 - c. pekerja.

4. **PERSEKITARAN KERJA**

Dalam dan luar pejabat.

5. **KOMPETENSI YANG DIPERLUKAN**

5.1 **Kemahiran Teknikal dan Analisis (*Technical and Analytical Skills*).**

- a. Merancang, menyelaras dan menganalisis aktiviti-aktiviti kesihatan awam.
- b. Melaksanakan tugas-tugas pendakwaan dalam kes-kes bicara dan mengendalikan kes-kes rayuan berkaitan undang-undang Kesihatan Awam.
- c. Merancang, menyelaras dan menganalisis aktiviti-aktiviti kesihatan pekerjaan dan persekitaran seperti menjalankan kerja-kerja penilaian risiko dan siasatan hazard di tempat-tempat kerja majikan dan pekerja.
- d. Menjalankan tugas-tugas pengurusan personel, membimbing dan menyelia serta memberi khidmat nasihat anggota di bawah kawalannya.

6. **LATIHAN YANG DIPERLUKAN**

Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGHURAIAN SKOP TUGAS
PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U41/U42**

1. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai jabatan/ agensi kerajaan.

2. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

Bertanggungjawab dalam merancang, mengurus dan menilai program berikut:

2.1 Kawalan Penyakit (Penyakit Berjangkit, Penyakit Tidak Berjangkit, Penyakit Bawaan Vektor).

- a. Pengurusan wabak dan bencana alam.
- b. Penilaian risiko kesihatan.
- c. Pengauditan.
- d. Pemerhatian dan tindakan susulan.
- e. Kesihatan pekerjaan dan persekitaran.

2.2 Keselamatan dan Kualiti Makanan.

- a. Menilai dan memantau kualiti keselamatan dan kebersihan makanan.
- b. Merancang dan melaksana program penilaian risiko makanan.
- c. Pengurusan dan analisis data.

2.3 Kawalan Mutu Air Minuman (KMAM).

- a. Kajian sanitari ke atas sistem bekalan air minuman.
- b. Menjalankan kajian penilaian risiko kesihatan ke atas loji air.

- 2.4 Perundangan dan Penguatkuasaan.
 - a. Pendakwaan.
 - b. Penganalisan kes-kes pendakwaan.
- 2.5 Pengurusan dan analisis data.
- 2.6 Promosi kesihatan dan risiko komunikasi.
- 2.7 Merancang keperluan sumber manusia, kewangan dan logistik.
- 2.8 Penyelidikan dan pembangunan.
- 2.9 Merancang program intervensi.
- 2.10. Lain-lain skop tugas yang ditentukan dari semasa ke semasa.

3. **HUBUNGAN KERJA**

- 3.1. Dalaman
 - a. pegawai di bahagian lain di dalam organisasi yang sama.
 - b. pegawai di bahagian/unit yang sama.
- 3.2. Luaran
 - a. komuniti.
 - b. jabatan kerajaan dan agensi-agensi lain.
 - c. pekerja.

4. **PERSEKITARAN KERJA**

Dalam dan luar pejabat.

5. **KOMPETENSI YANG DIPERLUKAN**

Mempunyai tahap pengetahuan, kepakaran dan nilai-nilai peribadi yang diperlukan bagi melaksanakan tugas-tugas kesihatan awam dan kesihatan persekitaran.

- a. Melaksana dan menyelia program kesihatan awam dan kesihatan persekitaran.

- b. Melaksanakan tugas-tugas pendakwaan dalam kes bicara dan mengendalikan kes rayuan berkaitan Undang-undang Kesihatan Awam.
- c. Merancang, menyelaras dan menganalisa program Kesihatan Pekerjaan dan Persekitaran seperti menjalankan kerja-kerja penilaian risiko dan siasatan hazard tempat kerja dan persekitaran.

6. **LATIHAN YANG DIPERLUKAN**

Pegawai Kesihatan Persekitaran boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGHURAIAN SKOP TUGAS
PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U44**

1. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai jabatan/ agensi kerajaan.

2. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

Bertanggungjawab dalam merancang, mengurus dan menilai program berikut:

2.1 Kawalan Penyakit (Penyakit Berjangkit, Penyakit Tidak Berjangkit, Penyakit Bawaan Vektor).

- a. Pengurusan wabak dan bencana alam.
- b. Penilaian risiko kesihatan dan pengauditan.
- c. Survelan dan tindakan susulan.
- d. Kesihatan Pekerjaan dan Persekitaran.

2.2 Keselamatan dan Kualiti Makanan.

- a. Audit aktiviti-aktiviti program.
- b. Melaksana, menilai program penilaian risiko makanan.
- c. Pengurusan dan analisis data.

2.3 Kawalan Mutu Air Minuman (KMAM).

- a. Kajian sanitari ke atas sistem bekalan air minuman.
- b. Menjalankan kajian penilaian risiko kesihatan ke atas loji air.

2.4 Perundangan dan Penguatkuasaan.

- a. Pendakwaan.
- b. Penyediaan analisis dan laporan kes-kes pendakwaan.

- 2.5 Pengurusan dan analisis data.
- 2.6 Promosi kesihatan dan risiko komunikasi.
- 2.7 Merancang keperluan sumber manusia, kewangan dan logistik.
- 2.8 Penyelidikan dan pembangunan.
- 2.9 Merancang program intervensi.
- 2.10 Lain-lain skop tugas yang ditentukan dari semasa ke semasa.

3. **HUBUNGAN KERJA**

3.1. Dalaman

- a. pegawai di bahagian lain di dalam organisasi yang sama.
- b. pegawai di bahagian/unit yang sama.

3.2. Luaran

- a. komuniti.
- b. jabatan kerajaan dan agensi-agensi lain.
- c. pekerja.

4. **PERSEKITARAN KERJA**

Dalam dan luar pejabat.

5. **KOMPETENSI YANG DIPERLUKAN**

Mempunyai tahap pengetahuan, kepakaran dan nilai-nilai peribadi yang diperlukan bagi melaksanakan tugas-tugas Kesihatan Awam dan Kesihatan Persekitaran.

- a. Melaksana dan menyelia program kesihatan awam dan kesihatan persekitaran.
- b. Melaksanakan tugas-tugas pendakwaan dalam kes bicara dan mengendalikan kes rayuan berkaitan Undang-undang Kesihatan Awam.
- c. Merancang, menyelaraskan dan menganalisa Program Kesihatan Pekerjaan dan Persekitaran seperti menjalankan kerja-kerja penilaian risiko dan siasatan hazard tempat kerja dan persekitaran.

6. **LATIHAN YANG DIPERLUKAN**

Pegawai Kesihatan Persekitaran boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGHURAIAN SKOP TUGAS
PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U48**

1. PERINGKAT ORGANISASI

Pelbagai jabatan/ agensi kerajaan.

2. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

Bertanggungjawab dalam merancang, mengurus, menyelaras, memberi input dan menganalisis program berikut:

2.1 Kawalan Penyakit (Penyakit Berjangkit, Penyakit Tidak Berjangkit, Penyakit Bawaan Vektor).

- a. Pengurusan wabak dan bencana alam.
- b. Penilaian risiko kesihatan dan pengauditan.
- c. Pemerhatian dan tindakan susulan.
- d. Pengauditan.

2.2 Keselamatan dan Kualiti Makanan.

- a. Menilai dan memantau kualiti keselamatan dan kebersihan makanan.
- b. Program penilaian risiko makanan.
- c. Pengurusan dan analisis data.

2.3 Kawalan Mutu Air Minuman (KMAM).

- a. Kajian sanitari ke atas sistem bekalan air minuman.
- b. Menjalankan kajian penilaian risiko kesihatan ke atas loji air.

- 2.4 Perundangan dan Penguatkuasaan.
 - a. Pendakwaan.
 - b. Penyediaan analisis dan laporan kes-kes pendakwaan.
- 2.5 Pengurusan dan analisis data.
- 2.6 Promosi kesihatan dan risiko komunikasi.
- 2.7 Merancang keperluan sumber manusia, kewangan dan logistik.
- 2.8 Penyelidikan dan pembangunan.
- 2.9 Merancang program intervensi.
- 2.10 Lain-lain skop tugas yang ditentukan dari semasa ke semasa.

3. **HUBUNGAN KERJA**

- 3.1. Dalaman
 - a. pegawai di bahagian lain di dalam organisasi yang sama.
 - b. pegawai di bahagian/unit yang sama.
- 3.2. Luaran
 - a. komuniti.
 - b. jabatan kerajaan dan agensi-agensi lain.
 - c. pekerja.

4. **PERSEKITARAN KERJA**

Dalam dan luar pejabat.

5. **KOMPETENSI YANG DIPERLUKAN**

Mempunyai tahap pengetahuan, kepakaran dan nilai-nilai peribadi yang diperlukan bagi melaksanakan tugas-tugas Kesihatan Awam dan Kesihatan Persekitaran.

- a. Melaksana dan menyelia program kesihatan awam dan kesihatan persekitaran.

- b. Melaksanakan tugas-tugas pendakwaan dalam kes bicara dan mengendalikan kes rayuan berkaitan Undang-undang Kesihatan Awam.
- c. Merancang, menyelaras dan menganalisa Program Kesihatan Pekerjaan dan Persekitaran seperti menjalankan kerja-kerja penilaian risiko dan siasatan hazard tempat kerja dan persekitaran.
- d. Merancang keperluan sumber manusia, latihan, kewangan dan logistik.
- e. Mengurus, membimbing dan menyelia serta memberi khidmat nasihat kepada pegawai di bawah kawalannya.

6. **LATIHAN YANG DIPERLUKAN**

Pegawai Kesihatan Persekitaran boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ ketua perkhidmatan yang berkenaan.

LAMPIRAN D

**TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN KE SKIM
PERKHIDMATAN BERSEPADU PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN
PERSEKITARAN/ PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN DI BAWAH
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
(kepada pegawai yang memenuhi syarat tukar lantik)**

(Nama Pihak Berkuasa Melantik di agensi penerima)

Tarikh :

Fail Rujukan :

Nama : (Nama Pegawai)

Alamat :

Melalui Ketua Jabatan :

(Nama Ketua Jabatan agensi hakiki)

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN
OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU PENOLONG
PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN/ PEGAWAI KESIHATAN
PERSEKITARAN DI BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN
PERUBATAN DAN KESIHATAN, DI (Nama Agensi)**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan untuk meminda skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran berkuat kuasa pada 1 Januari 2005. Sehubungan itu tuan/puan dengan ini ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan bersepadu Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran di (Nama Agensi) di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Perubatan

Fail Rujukan :

dan Kesihatan dengan menerima gaji P..T.. sebanyak RM..... sebulan atas Gred U... mulai 1 Januari 2005.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di **Lampiran D1**. Tuan/puan dikehendaki memberi jawapan sama ada menerima atau menolak tawaran ini dengan mengisi Borang Opsyen di **Lampiran D2** seperti berikut dan jawapan tuan/puan hendaklah sampai di pejabat ini sebelum atau pada

2.1 **Menerima Tawaran:**

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan di perenggan (a) di Lampiran D2; atau

2.2 **Menolak Tawaran:**

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan di perenggan (b) di Lampiran D2, jika tuan/puan menolak opsyen ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(Nama Pihak Berkuasa Melantik di agensi penerima)

LAMPIRAN D1

SYARAT-SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN/ PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN (UNTUK PEGAWAI TETAP SAHAJA)

1. Kerajaan telah memutuskan meminda skim perkhidmatan **OPSYEN** Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29, U32, U36, U38, U40. Dengan keputusan itu tuan/puan dengan ini diberi opsyen sama ada bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan bersepadu Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran di bawah Klasifikasi Perubatan dan Kesihatan ataupun jika menolak akan kekal dalam gred dan skim perkhidmatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Opsyen ini adalah **muktamad**.

2. Tempoh opsyen yang diberi kepada tuan/puan untuk membuat pilihan ialah selama 30 hari mulai dari tarikh surat tawaran diedarkan. Jika tuan/puan menolak opsyen atau tidak membuat pilihan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/puan adalah dianggap tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan ini. **TEMPOH MEMBUAT OPSYEN**

3. Tuan/puan adalah layak ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran yang baru seperti berikut: **SKIM PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN**
 - (a) tuan/puan yang berada di Gred U29 akan ditukar lantik ke Gred U29;

- (b) tuan/puan yang berada di Gred U32 akan ditukar lantik ke Gred U32;
 - (c) tuan/puan yang berada di Gred U36 akan ditukar lantik ke Gred U36;
 - (d) tuan/puan yang berada di Gred U38 akan ditukar lantik ke Gred U41; dan
 - (e) tuan/puan yang berada di Gred U40 akan ditukar lantik ke Gred U41.
4. Tuan/puan yang berada di Gred U38 dan Gred U40 yang memiliki kelayakan di peringkat ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan pada tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan baru akan ditukar lantik ke Gred U41.
 5. Tuan/puan yang berada di Gred U38 dan Gred U40 yang tidak memiliki kelayakan di peringkat ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan pada tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan baru akan ditukar lantik ke Gred U41 tertakluk kepada syarat mempunyai pengalaman enam (6) tahun berkhidmat dalam perkhidmatan sekarang serta menghadiri dan lulus dengan jayanya kursus peralihan yang ditetapkan. Tuan/puan akan kekal dalam gred dan skim perkhidmatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP) sehingga memenuhi syarat tersebut.
 6. Gelaran jawatan tuan/puan, jika perlu akan diubahsuai mengikut skim perkhidmatan tersebut
 7. Tuan/puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan perkhidmatan seperti yang diperuntuk dalam skim perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik.

**PENAKLUKAN DI
BAWAH SYARAT DAN
PERATURAN SKIM
PERKHIDMATAN BARU**

8. (i) **Kelompok Pegawai Di Gred U29, U32, U36.**

GAJI PERMULAAN

- (a) Tuan/puan yang berada di Gred U29 yang belum disahkan dalam perkhidmatan akan ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred U29 yang baru;

- (b) Tuan/puan yang berada di Gred U29 yang telah disahkan dalam perkhidmatan akan ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred U29 yang baru, yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa jawatan asal. Jika matagaji di P1 jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji permulaan akan ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 2 (P2) dan seterusnya di Peringkat 3 (P3), jika matagaji P2 masih tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan;

- (c) Tuan/puan yang berada di Gred U32 akan ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred U32 yang baru, yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji akan ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan

(d) Tuan/puan yang berada di Gred U36 akan ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji masing-masing di Gred U36 yang baru, yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji akan ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

(ii) Kelompok Pegawai Di Gred U38, U40.

(a) Tuan/puan yang berada di Gred U38 yang memiliki kelayakan di peringkat ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan akan ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred U41 yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa jawatan asal. Jika matagaji di P1 jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji permulaan akan ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 2 (P2) dan seterusnya di Peringkat 3 (P3), jika matagaji P2 masih tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan;

(b) Tuan/puan yang berada di Gred U38 yang tidak memiliki kelayakan di peringkat ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan dan mempunyai pengalaman enam (6) tahun berkhidmat dalam

perkhidmatan sekarang tetapi belum memenuhi syarat menghadiri dan lulus dengan jayanya kursus peralihan yang ditetapkan akan dikekalkan secara KUP dalam gred dan skim perkhidmatan asal. Gaji tuan/puan hanya akan ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred U41 yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa jawatan asal, sehari selepas memenuhi syarat menghadiri dan lulus dengan jayanya kursus peralihan yang ditetapkan. Jika matagaji di P1 jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji permulaan bolehlah ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 2 (P2) dan seterusnya di Peringkat 3 (P3), jika matagaji P2 masih tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan;

- (c) Tuan/puan yang berada di Gred U40 yang memiliki kelayakan di peringkat ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan akan ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred U41 yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa jawatan asal. Jika matagaji di P1 jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji permulaan akan ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 2 (P2) dan seterusnya di Peringkat 3 (P3), jika matagaji P2 masih tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan; dan

(d) Tuan/puan yang berada di Gred U40 yang tidak memiliki kelayakan di peringkat ijazah sarjana muda keujian dalam bidang berkaitan dan mempunyai pengalaman enam (6) tahun berkhidmat dalam perkhidmatan sekarang tetapi belum memenuhi syarat menghadiri dan lulus dengan jayanya kursus peralihan yang ditetapkan akan dikekalkan secara KUP dalam gred dan skim perkhidmatan asal. Gaji tuan/puan hanya akan ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred U41 yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa jawatan asal, sehari selepas memenuhi syarat menghadiri dan lulus dengan jayanya kursus peralihan yang ditetapkan. Jika matagaji di P1 jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji permulaan akan ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 2 (P2) dan seterusnya di Peringkat 3 (P3), jika matagaji P2 masih tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan.

(iii) Tuan/puan yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh matagaji mengikut kaedah di atas, maka jadual gaji KUP di jawatan baru hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

9. Tarikh pergerakan gaji tuan/puan pada tahun berikutnya berubah mengikut tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.

**TARIKH PERGERAKAN
GAJI**

Bagi tuan/puan di Gred U38 dan Gred U40 yang belum mempunyai pengalaman enam (6) tahun berkhidmat dalam perkhidmatan sekarang serta menghadiri dan lulus dengan jayanya kursus peralihan, tarikh pergerakan gaji pada tahun berikutnya berubah kepada 1 Januari selepas gaji tuan/puan ditetapkan di Gred U41.

10. Tuan/puan akan dikecualikan daripada syarat tempoh percubaan jika tuan/puan telah disahkan dalam perkhidmatan asal atau tuan/puan ditukar lantik ke jawatan gred kenaikan pangkat. Walau bagaimanapun untuk tujuan faedah persaraan, tuan/puan hendaklah disahkan dalam perkhidmatan baru oleh Pihak Berkuasa Melantik pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.

**TEMPOH PERCUBAAN
BAGI PEGAWAI YANG
TELAH DISAHKAN**

11. Tuan/Puan yang belum disahkan dalam perkhidmatan asal, dikehendaki menghabiskan baki tempoh percubaan dan boleh disahkan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya telah mencukupi tempoh setahun termasuk mengambil kira tempoh percubaan jawatan asal tertakluk dengan syarat tuan/puan telah memenuhi semua syarat pengesahan yang ditetapkan. Syarat-syarat pengesahan yang telah dipenuhi dengan jayanya semasa di jawatan asal adalah dikecualikan.

**TEMPOH PERCUBAAN
BAGI PEGAWAI YANG
BELUM DISAHKAN**

12. Kekananan tuan/puan di Gred U29, U32, U36 yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen ini dikekalkan.

KEKANANAN

13. Kekananan tuan/puan yang ditukar lantik ke Gred U41 adalah seperti berikut:
- (a) bagi tuan/puan yang memiliki kelayakan di peringkat ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan, kekananan tuan/puan adalah dikekalkan; dan
- (b) bagi tuan/puan yang tidak memiliki kelayakan di peringkat ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan, tarikh kekananan tuan/puan berkuat kuasa sehari selepas tuan/puan memenuhi syarat tukar lantik yang ditetapkan.
14. Jika tuan/puan belum disahkan dalam perkhidmatan dan belum diberi taraf berpencen, tuan/puan layak diberi opsyen skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. **OPSYEN SKIM KWSP**
15. Taraf berpencen yang diberi kepada tuan/puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan. **TARAF BERPENCEN DIKEKALKAN**
16. Jika tuan/puan belum diberi taraf berpencen, tuan/puan layak dipertimbangkan diberi taraf pegawai berpencen mengikut peraturan pencen yang berkuat kuasa. **PEMBERIAN TARAF BERPENCEN**
17. Tuan/puan dibenarkan membawa baki cuti rehat dan cuti rehat yang telah dikumpulkan untuk tujuan pemberian wang tunai Gantian Cuti Rehat, mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa. **CUTI REHAT**
18. Tuan/puan boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua sepertimana yang diarahkan oleh ketua perkhidmatan/ **PENEMPATAN**

ketua jabatan.

19. Ketua perkhidmatan tuan/puan ialah ketua bagi perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik. **KETUA PERKHIDMATAN**
20. Tuan/puan akan sentiasa tertakluk kepada peraturan dan arahan yang berkuat kuasa. **KEPERLUAN MEMATUHI PERATURAN**
21. Tuan/puan dikecualikan daripada syarat pemeriksaan perubatan, sumpah berkanun dan tapisan keselamatan sekiranya tuan/puan telah memenuhi syarat tersebut semasa dalam jawatan asal. **SYARAT PELANTIKAN YANG DIKECUALIKAN**
22. Pertukaran pelantikan tuan/puan melalui pemberian opsyen ini adalah berkuat kuasa mulai **1 Januari 2005**. **TARIKH KUAT KUASA**
23. Hubungan tuan/puan dengan skim perkhidmatan asal adalah terputus kecuali bagi tujuan persaraan dan kemudahan-kemudahan lain yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti cuti rehat, cuti haji dan kelayakan pinjaman. **HUBUNGAN DENGAN SKIM PERKHIDMATAN ASAL**

**TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN KE SKIM
PERKHIDMATAN BERSEPADU PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN
PERSEKITARAN/ PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN DI BAWAH
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
(kepada pegawai yang memenuhi syarat tukar lantik)**

Fail Rujukan :

Tarikh :

Kepada : (Pihak Berkuasa Melantik)

Melalui Ketua Jabatan

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN
KE SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU PENOLONG PEGAWAI
KESIHATAN PERSEKITARAN/ PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN DI
BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN DI
(Nama Agensi)**

Berhubung dengan surat tuan bil.
bertarikh mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat
pilihan seperti berikut:-

* (a) **Bersetuju** menerima pertukaran pelantikan dari skim perkhidmatan

Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran di (Nama Agensi) ke skim

Fail Rujukan :

perkhidmatan bersepadu Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/
Pegawai Kesihatan Persekitaran di bawah Klasifikasi Perkhidmatan
Perubatan dan Kesihatan di (Nama Agensi) dengan menerima gaji P..T..
sebanyak RM..... sebulan atas Gred U...

ATAU

* (b) **Tidak bersetuju** menerima tawaran pertukaran pelantikan ke skim
 perkhidmatan bersepadu Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/
Pegawai Kesihatan Persekitaran di bawah Klasifikasi Perkhidmatan
Perubatan dan Kesihatan di (Nama Agensi) dan dengan ini bersetuju kekal
dalam gred dan skim perkhidmatan asal secara KUP.

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran tuan bil.
..... bertarikh dan implikasi pilihan ini dan
saya sesungguhnya mengetahui bahawa pilihan yang saya buat ini adalah **muktamad**.
Saya juga faham bahawa sekiranya ada di antara maklumat yang saya beri untuk tujuan
pertukaran pelantikan ini tidak betul, maka pertukaran pelantikan saya dengan sendirinya
terbatal dan saya akan dikekalkan di dalam gred dan skim perkhidmatan asal.

Tandatangan :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

Fail Rujukan :

Di hadapan :

.....
SAKSI**
(Tandatangan dan Cap Jawatan)

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

* Tandakan (✓) dalam salah satu petak yang berkenaan.
** Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

**TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN KE SKIM
PERKHIDMATAN BERSEPADU PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN
PERSEKITARAN/ PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN DI BAWAH
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
(kepada pegawai yang belum memenuhi syarat tukar lantik)**

(Nama Pihak Berkuasa Melantik di agensi penerima)

Tarikh :

Fail Rujukan :

Nama : (Nama Pegawai)

Alamat :

Melalui Ketua Jabatan :

(Nama Ketua Jabatan agensi hakiki)

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN
OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU PENOLONG
PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN/ PEGAWAI KESIHATAN
PERSEKITARAN DI BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN
PERUBATAN DAN KESIHATAN, DI (Nama Agensi)**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan untuk meminda skim perkhidmatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran berkuat kuasa pada 1 Januari 2005. Sehubungan itu tuan/puan dengan ini ditawarkan ke skim perkhidmatan

Fail Rujukan :

bersepadu Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Pegawai Kesihatan Persekitaran yang akan berkuat kuasa sehari selepas tuan/puan memenuhi syarat mempunyai pengalaman enam (6) tahun berkhidmat dalam perkhidmatan sekarang serta menghadiri dan lulus dengan jayanya kursus peralihan yang ditetapkan seperti dinyatakan di perenggan 8 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2005. Dengan itu tuan/puan akan dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di atas Gred U... skim perkhidmatan asal sehingga memenuhi syarat tersebut.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di **Lampiran D1**. Sekiranya tuan/puan bersetuju menerima opsyen ini, tuan/puan perlu menjawab dalam tempoh 30 hari mulai Tuan/puan adalah dikehendaki menandatangani borang opsyen seperti di **Lampiran D4** dan mengembalikan kepada Pihak Berkuasa Melantik dalam tempoh yang dinyatakan di atas.

Sekian, terima kasih.

(Tandatangan)
Pihak Berkuasa Melantik

**TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN KE SKIM
PERKHIDMATAN BERSEPADU PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN
PERSEKITARAN/ PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN DI BAWAH
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
(kepada pegawai yang belum memenuhi syarat tukar lantik)**

Fail Rujukan :

Tarikh :

Kepada : (Pihak Berkuasa Melantik)

Melalui Ketua Jabatan

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN
KE SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU PENOLONG PEGAWAI
KESIHATAN PERSEKITARAN/ PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN DI
BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN DI
(Nama Agensi)**

Berhubung dengan surat tuan bil.
bertarikh mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat
pilihan seperti berikut:-

* (a) **Bersetuju** menerima pertukaran pelantikan dari skim perkhidmatan
 Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran di (Nama Agensi) ke skim

Fail Rujukan :

perkhidmatan bersepadu Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/
Pegawai Kesihatan Persekitaran yang baru di bawah Klasifikasi
Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di (Nama Agensi) dengan dikekalkan
secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di atas Gred U... skim perkhidmatan
asal sehingga memenuhi syarat pertukaran pelantikan.

ATAU

* (b) **Tidak bersetuju** menerima tawaran pertukaran pelantikan ke skim
 perkhidmatan bersepadu Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran/
Pegawai Kesihatan Persekitaran di bawah Klasifikasi Perkhidmatan
Perubatan dan Kesihatan di (Nama Agensi) dan dengan ini bersetuju kekal
dalam gred dan skim perkhidmatan asal secara KUP.

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran tuan bil.
..... bertarikh dan implikasi pilihan ini dan
saya sesungguhnya mengetahui bahawa pilihan yang saya buat ini adalah **muktamad**.
Saya juga faham bahawa sekiranya ada di antara maklumat yang saya beri untuk tujuan
pertukaran pelantikan ini tidak betul, maka pertukaran pelantikan saya dengan sendirinya
terbatal dan saya akan dikekalkan di dalam perkhidmatan sekarang.

Tandatangan :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

Fail Rujukan :

Di hadapan :

.....
SAKSI**
(Tandatangan dan Cap Jawatan)

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

* Tandakan (✓) dalam salah satu petak yang berkenaan.
** Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

JADUAL GAJI BARU DAN SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
SOKONGAN

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM: U29

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: UA29000

III. TARIKH KUATKUASA: 1.11.2002

JADUAL GAJI SSM : U29

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21	T22	T23	T24	T25	T26	T27
P1	928.55	981.79	1035.03	1088.27	1141.51	1194.75	1247.99	1301.23	1354.47	1407.71	1460.95	1514.19	1567.43	1620.67	1673.91	1727.15	1780.39	1833.63	1886.87	1940.11	1993.35	2046.59	2126.45	2206.31	2286.17	2366.03	2445.89
P2	985.42	1042.29	1099.16	1156.03	1212.90	1269.77	1326.64	1383.51	1440.38	1497.25	1554.12	1610.99	1667.86	1724.73	1781.60	1838.47	1895.34	1952.21	2009.08	2065.95	2122.82	2206.31	2289.80	2373.29	2456.78	2540.27	2623.76
P3	1044.71	1104.00	1163.29	1222.58	1281.87	1341.16	1400.45	1459.74	1519.03	1578.32	1637.61	1696.90	1756.19	1815.48	1874.77	1934.06	1993.35	2052.64	2111.93	2171.22	2258.34	2345.46	2432.58	2519.70	2605.82	2693.94	2781.06

**JADUAL GAJI BARU DAN SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
SOKONGAN****(RM SEBULAN)****I. GRED GAJI SSM: U32****II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: UA32000****III. TARIKH KUATKUASA: 1.11.2002****JADUAL GAJI SSM : U32**

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20
P1	1567.43	1620.67	1673.91	1727.15	1780.39	1833.63	1886.87	1966.73	2046.59	2126.45	2206.31	2286.17	2366.03	2445.89	2525.75	2605.61	2685.47	2765.33	2845.19	2925.05
P2	1683.59	1742.88	1802.17	1861.46	1920.75	2007.87	2094.99	2182.11	2269.23	2356.35	2443.47	2530.59	2617.71	2704.83	2791.95	2879.07	2966.19	3053.31	3140.43	3227.55

JADUAL GAJI BARU DAN SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
SOKONGAN

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM: U36

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: UA36000

III. TARIKH KUATKUASA: 1.11.2002

JADUAL GAJI SSM : U36

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11
P1	2445.89	2525.75	2605.61	2685.47	2818.57	2951.67	3084.77	3217.87	3350.97	3484.07	3617.17
P2	2616.50	2703.62	2847.61	2991.60	3135.59	3279.58	3423.57	3567.56	3711.55	3855.54	3999.53

**JADUAL GAJI BARU DAN SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATA
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM: U41

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: UA41000

III. TARIKH KUATKUASA: 1.11.2002

JADUAL GAJI SSM : U41

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21	T22	T23	T24
P1	1738.43	1818.29	1898.15	1978.01	2057.87	2137.73	2217.59	2297.45	2377.31	2457.17	2537.03	2616.89	2696.75	2776.61	2909.71	3042.81	3175.91	3309.01	3442.11	3575.21	3708.31	3841.41	3974.51	4107.61
P2	1821.92	1905.41	1988.90	2072.39	2155.88	2239.37	2322.86	2406.35	2489.84	2573.33	2656.82	2740.31	2823.80	2964.16	3104.52	3244.88	3385.24	3525.60	3665.96	3806.32	3946.68	4087.04	4227.40	4367.76
P3	1909.04	1996.16	2083.28	2170.40	2257.52	2344.64	2431.76	2518.88	2606.00	2693.12	2780.24	2867.36	3013.77	3160.18	3306.59	3453.00	3599.41	3745.82	3892.23	4038.64	4185.05	4331.46	4477.87	4624.28

JADUAL GAJI BARU DAN SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM: U42

II. KOD GAJI KOMPUTER: UA42000

III. TARIKH KUATKUASA: 1.1.2005

JADUAL GAJI SSM: U42

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17	T18	T19	T20	T21	T22	T23	T24
P1	1738.43	1818.29	1898.15	1978.01	2057.87	2137.73	2217.59	2297.45	2377.31	2457.17	2537.03	2616.89	2696.75	2776.61	2909.71	3042.81	3175.91	3309.01	3442.11	3575.21	3708.31	3841.41	3974.51	4107.61
P2	1909.04	1996.16	2083.28	2170.40	2257.52	2344.64	2431.76	2518.88	2606.00	2693.12	2780.24	2867.36	3013.77	3160.18	3306.59	3453.00	3599.41	3745.82	3892.23	4038.64	4185.05	4331.46	4477.87	4624.28

**JADUAL GAJI BARU DAN SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM: U44

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: UA44000

III. TARIKH KUATKUASA: 1.11.2002

JADUAL GAJI SSM : U44

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14
P1	2633.83	2766.93	2900.03	3033.13	3166.23	3299.33	3432.43	3565.53	3698.63	3831.73	3964.83	4097.93	4231.03	4364.13
P2	2920.60	3067.01	3213.42	3359.83	3506.24	3652.65	3799.06	3945.47	4091.88	4238.29	4384.70	4531.11	4677.52	4823.93

JADUAL GAJI BARU DAN SIFIR PEMINDAHAN GAJI BAGI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM: U48

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM: UA48000

III. TARIKH KUATKUASA: 1.11.2002

JADUAL GAJI SSM : U48

Gred	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8
P1	3853.51	4033.80	4214.09	4394.38	4574.67	4754.96	4935.25	5115.54
P2	4235.87	4430.68	4625.49	4820.30	5015.11	5209.92	5404.73	5599.54

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN PERTUKARAN PELANTIKAN
BAGI PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U29
KEPADA PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U29**

**Kaedah Penetapan Gaji Kepada Matagaji Baru
Di Peringkat (P) 1 Gred U29**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2005

Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Januari

Tarikh	Gaji Sekarang Gred U29 (RM)	Gaji Baru Gred U29 (RM)	Catatan
31.12.2004	1567.43 (P1T13)	-	Gaji akhir di jawatan asal.
1.1.2005	1567.43 (P1T13)	1620.67 (P1T14)	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Gaji permulaan pertukaran pelantikan yang akan ditawarkan kepada pegawai.
1.1.2005	-	1673.91 (P1T15)	TPG jawatan asal. Pergerakan gaji diberi di jawatan baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.1.2006	-	1727.15 (P1T16)	TPG jawatan baru Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN PERTUKARAN PELANTIKAN
BAGI PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U36
KEPADA PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U36
SECARA KHAS UNTUK PENYANDANG**

**Kaedah Penetapan Gaji Kepada Matagaji Baru
Di Peringkat (P) 2 Gred U36**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2005

Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 April

Tarikh	Gaji Sekarang Gred U36 (RM)	Gaji Baru Gred U36 (RM)	Catatan
31.12.2004	3999.53 (P2T11) (Maksimum)	-	Gaji akhir di jawatan asal.
1.1.2005	3999.53 (P2T11) (Maksimum)	4143.52 (P2T12) (KUP)	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Gaji permulaan pertukaran pelantikan yang akan ditawarkan kepada pegawai.
1.4.2005	-	4143.52 (P2T12) (KUP)	TPG jawatan asal. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM. Tiada pergerakan gaji diberi kerana pegawai berada di mata gaji maksimum. Pegawai kekal di Jadual Gaji KUP.
1.1.2006	-	4143.52 (P2T12) (KUP)	TPG jawatan baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM. Tiada pergerakan gaji diberi kerana pegawai berada di mata gaji maksimum. Pegawai kekal di Jadual Gaji KUP.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji
KUP : Khas Untuk Penyandang (hendaklah di pohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, JPA)

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN PERTUKARAN PELANTIKAN
BAGI PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U32
KEPADA PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U32**

**Kaedah Penetapan Gaji Kepada Matagaji Baru
Di Peringkat 2 (P2) Gred U32**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2005

Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Julai

Tarikh	Gaji Sekarang Gred U32 (RM)	Gaji Baru Gred U32 (RM)	Catatan
31.12.2004	2356.35 (P2T10)	-	Gaji akhir di jawatan asal.
1.1.2005	2356.35 (P2T10)	2443.47 (P2T11)	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Gaji permulaan pertukaran pelantikan yang ditawarkan kepada pegawai.
1.7.2005	-	2530.59 (P2T12)	TPG jawatan asal. Pergerakan gaji diberi di jawatan baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.1.2006	-	2617.71 (P2T13)	TPG jawatan baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia

TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN PERTUKARAN PELANTIKAN
BAGI PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U38
YANG TELAH MEMENUHI SYARAT YANG DITETAPKAN KEPADA
PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U41**

**Kaedah Penetapan Gaji Kepada Matagaji Baru
Di Peringkat 1 (P1) Gred U41**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2005

Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Julai

Tarikh	Gaji Sekarang Gred U38 (RM)	Gaji Baru Gred U41 (RM)	Catatan
31.12.2004	3688.56 (P1T6)	-	Gaji akhir di jawatan asal.
1.1.2005	3688.56 (P1T6)	3841.41 (P1T22)	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Gaji permulaan pertukaran pelantikan yang akan ditawarkan kepada pegawai.
1.7.2005	-	3974.51 (P1T23)	TPG jawatan asal. Pergerakan gaji diberi di jawatan baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.1.2006	-	4107.61 (P1T24) (Maksimum)	TPG jawatan baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN PERTUKARAN PELANTIKAN
BAGI PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U38
YANG BELUM MEMENUHI SYARAT YANG DITETAPKAN KEPADA
PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U41**

**Kaedah Penetapan Gaji Kepada Matagaji Baru
Di Peringkat 1 (P1) Gred U41
(Pegawai Memenuhi Syarat Yang Ditetapkan Selepas Daripada
Tarikh Kuat Kuasa)**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2005

Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Oktober

Tarikh Lulus Kursus Peralihan : 2 September 2005

Tarikh	Gaji Sekarang Gred U38 (RM)	Gaji Baru Gred U41 (RM)	Catatan
31.12.2004	3688.56 (P1T6)	-	Gaji akhir di jawatan asal.
1.1.2005	3688.56 (P1T6)	-	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Pegawai kekal secara KUP dalam skim perkhidmatan asal.
3.9.2005	3688.56 (P1T6)	3841.41 (P1T22)	Dipindahkan ke matagaji tertinggi berhampiran di P1 Gred U41 sehari selepas tarikh lulus kursus peralihan yang ditetapkan
1.10.2005	-	3974.51 (P1T23)	TPG jawatan asal. Pergerakan gaji diberi di jawatan baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.1.2006	-	4107.61 (P1T24)	TPG jawatan baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji
KUP : Khas Untuk Penyandang

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN PERTUKARAN PELANTIKAN
BAGI PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U38
YANG BELUM MEMENUHI SYARAT YANG DITETAPKAN KEPADA
PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U41**

**Kaedah Penetapan Gaji Kepada Matagaji Baru
Di Peringkat 1 (P1) Gred U41
(Pegawai Memenuhi Syarat Yang Ditetapkan Selepas Daripada
Tarikh Kuat Kuasa)**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2005

Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Julai

Tarikh Lulus Kursus Peralihan : 2 September 2005

Tarikh	Gaji Sekarang Gred U38 (RM)	Gaji Baru Gred U41 (RM)	Catatan
31.12.2004	3688.56 (P1T6)	-	Gaji akhir di jawatan asal.
1.1.2005	3688.56 (P1T6)	-	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Pegawai kekal secara KUP dalam skim perkhidmatan asal.
1.7.2005	3821.68 (P1T7)	-	TPG jawatan asal. Pergerakan gaji diberi di jawatan baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
3.9.2005	3821.68 (P1T7)	3974.51 (P1T23)	Dipindahkan ke matagaji tertinggi berhampiran di P1 Gred U41 sehari selepas tarikh lulus kursus peralihan yang ditetapkan.
1.1.2006	-	4107.61 (P1T24)	TPG jawatan baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji
KUP : Khas Untuk Penyandang

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN PERTUKARAN PELANTIKAN
BAGI PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U29
YANG BELUM DISAHKAN DALAM PERKHIDMATAN KEPADA PENOLONG
PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U29**

**Kaedah Penetapan Gaji Kepada Matagaji Baru
Di Peringkat (P) 1 Gred U29**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2005

Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Januari

Tarikh	Gaji Sekarang Gred U29 (RM)	Gaji Baru Gred U29 (RM)	Catatan
31.12.2004	1247.99 (P1T7)	-	Gaji akhir di jawatan asal.
1.1.2005	1247.99 (P1T7)	1301.23 (P1T8)	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Gaji permulaan pertukaran pelantikan yang akan ditawarkan kepada pegawai.
1.1.2005	-	1354.47 (P1T9)	TPG jawatan asal. Pergerakan gaji diberi di jawatan baru Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.1.2006	-	1407.71 (P1T10)	TPG jawatan baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji